# KORPORASI KEMAJUAN PERIKANAN DAN NELAYAN SABAH (KO-NELAYAN)

| |
|---|
| **SISTEM PENGURUSAN KUALITI**<br>**MS ISO 9001:2015** |
| **PROSEDUR PENGURUSAN RISIKO**<br>**PK(P).KONEL.06** |

| | DISEDIAKAN OLEH | DILULUSKAN OLEH |
|---|---|---|
| TANDATANGAN | | |
| NAMA | CABRINI BRIDGET CHIA | HJ.YUSOF BIN HJ. AG. BESAR |
| JAWATAN | TIMBALAN PENGURUS KUALITI | PENGURUS BESAR |
| TARIKH | 15 DISEMBER 2017 | 15 DISEMBER 2017 |

| NO SALINAN TERKAWAL | PEMEGANG DOKUMEN |
|---|---|
| | DOKUMEN INDUK |

## i. REKOD PINDAAN

| TARIKH PINDAAN | NO. PINDAAN/ NO. KELUARAN | RUJUKAN PINDAAN MUKASURAT TERLIBAT | BUTIR-BUTIR PINDAAN | DILULUSKAN OLEH |
|---|---|---|---|---|
| 24/3/2022 | Pindaan 1 | M/s 12<br>Perkara 8.0<br>(Rekod Kualiti) | Lokasi – Unit Sumber Manusia Bahagian Khidmat Pengurusan<br><br>**Ditukar kepada**<br><br>Pengurus Risiko<br><br>Disebabkan semua rekod Pengurusan Risiko perlu disimpan oleh Pengurus Risiko. | |
| 20/9/2022 | Pindaan 2 | Muka depan Prosedur Kerja Kawalan Dokumen<br><br>**DISEDIAKAN OLEH :** CABRINI BRIDGET CHIA (TIMBALAN PENGURUS KUALITI)<br><br>**DILULUSKAN OLEH:** HJ. YUSOF HJ. AG. BESAR (PENGURUS BESAR) | Muka Hadapan<br><br>Hasil daripada penemuan audit dalam pada 7 September 2022 dan arahan daripada Pengurus Kualiti Pegawai yang meluluskan haruslah daripada individu yang berbeza. | |

SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL

# 1. OBJEKTIF

## 1.0 OBJEKTIF

Prosedur ini menyediakan garis panduan untuk mengenalpasti, mengesan, menganalisa, merawat dan mengkaji keberkesanan Pelan Pengurusan Risiko dalam proses penyampaian perkhidmatan KO-NELAYAN bagi mencegah kepincangan yang berpotensi berlaku ke atas Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) KO-NELAYAN.

## 2.0 SKOP

Prosedur ini digunapakai oleh Ketua Jabatan dan semua Ketua/Pengurus Bahagian/Unit/Projek KO-NELAYAN semasa mengenalpasti, mengesan, menganalisa, merangka Pelan Pengurusan Risiko yang merangkumi Pelan Pencegahan Risiko dan Pelan Rawatan Risiko. Prosedur ini juga digunapakai untuk memantau keberkesanan mekanisme pengurusan risiko KO-NELAYAN di peringkat organisasi dalam menambahbaik pelaksanaan SPK.

## 3.0 RUJUKAN

| | | | |
|---|---|---|---|
| **3.1** | **MK. KONEL. 01** | **-** | **Manual Kualiti MS ISO 9001:2015** |
| | Klausa 4.4.1 | - | Sistem Pengurusan Kualiti dan Proses |
| | Klausa 4.4.2 | - | Mengekalkan Maklumat yang didokumenkan |
| | Klausa 5.1.1 (d) | - | Hebahan proses pendekatan risiko |

| | | |
|---|---|---|
| Klausa 5.1.2 (b) | - | Peluang dan risiko yang mempengaruhi produk dan perkhidmatan serta kepuasan pelanggan |
| Klausa 6.1 | - | Tindakan Untuk Menentukan Risiko |
| Klausa 9.3 | - | Semakan semula pengurusan |
| Klausa 10.0 | - | Penambahbaikan |

**3.2** Surat-Surat, Arahan dan Pekeliling Kerajaan berkaitan Keselamatan

**3.3** **ISO 31000 : 2009** – Pengurusan Risiko – Prinsip dan Garis Panduan

## 4.0 DEFINISI

### 4.1 Risiko KO-NELAYAN

Sesuatu ketidaktentuan atau insiden yang boleh mendatangkan kesan yang tidak diingini atau mendatangkan kesan kepincangan kepada pencapaian Objektif Kualiti dan output perkhidmatan KO-NELAYAN.

### 4.2 Pengurusan Risiko

Mekanisma mengenalpasti dan mengesan risiko serta tindakan kawalan, pencegahan dan rawatan risiko secara terancang di peringkat KO-NELAYAN yang dilaksanakan secara sistematik.

### 4.3 Isu-isu Risiko

4.3.1 Risiko berkaitan sikap dan kesilapan manusia;
4.3.2 Risiko berkaitan bencana alam;
4.3.3 Risiko berkaitan kelakuan, penyakit dan media ternakan;
4.3.4 Risiko berkaitan pincang-fungsi mesin dan peralatan.

## 5.0 SINGKATAN

| | | |
|---|---|---|
| PB | - | Pengurus Besar |
| TPB | - | Timbalan Pengurus Besar |
| PK | - | Pengurus Kualiti |
| PRIS | - | Pengurus Risiko |
| KB | - | Ketua Bahagian |
| PW | - | Pengurus Wilayah |
| KU | - | Ketua Unit |
| MKSP | - | Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan |
| JPPR | - | Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko |
| P(USM) | - | Pegawai Unit Sumber Manusia |
| PP | - | Pengurus Projek |
| SPK | - | Sistem Pengurusan Kualiti |
| PR | | Pegawai Rekod |
| PD | | Pegawai Dokumen |

## 6.0 TANGGUNGJAWAB DAN TINDAKAN

| TANGGUNGJAWAB | NO | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | **A** | **KENALPASTI RISIKO DAN TADBIRURUS RISIKO** |
| **PB/KB/KU/PW/PP** | 1. | Kenalpasti konteks risiko KO-NELAYAN dengan mengambilkira aspek serta sumber seperti berikut :<br><br>i. Pelan Strategik KO-NELAYAN 2017-2020<br>ii. KPI KO-NELAYAN<br>iii. Insiden dan pengalaman lalu<br>iv. Analisa *cause and effect* risiko melalui KIK (jika perlu)<br>v. Analisa SWOT KO-NELAYAN (jika perlu) |
| **PB/PK** | 2. | Lantik Pengurus Risiko dan sertakan senarai tugas. |
| | 3. | Bentuk Jawantankuasa Pemandu Pengurusan Risiko Ko-Nelayan. |
| | **B** | **ANALISA RISIKO KO-NELAYAN** |
| **KB/KU/PW/PP** | 1. | Lakukan analisa risiko di Bahagian /Unit /Projek/ Pejabat Wilayah masing-masing. Kenalpasti dan tentukan punca risiko serta kaedah kawalan serta strategi rawatan yang akan dilaksanakan. |
| | 2. | Buat keputusan berhubung risiko yang berpotensi dan keutamaan untuk rawatan risiko berdasarkan data dan sumber maklumat berkaitan. |
| | **C** | **PELAN RAWATAN RISIKO KO-NELAYAN** |
| **KB/KU/PW/PP** | 1. | Tentukan kaedah rawatan risiko berkaitan yang bersesuaian berdasarkan analisa kesan dan akibat risiko seperti berikut:<br><br>a. Kaedah mengelak risiko melalui pendekatan mencegah;<br><br>b. Memindahkan sumber risiko agar ianya tidak |

| TANGGUNGJAWAB | NO | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | | berpotensi berlaku;<br><br>c. Memindahkan risiko kepada pihak ketiga;<br><br>d. Kaedah mitigasi risiko;<br><br>e. Kaedah menerima risiko;<br><br>f. Kaedah mengurangkan risiko. |
| **KB/KU** | 2. | Bincang dengan *risk owner* dan tentukan keutamaan tindakan (*priority action)* dalam mencegah risiko yang dikenalpasti. |
| | **D** | **PENILAIAN DAN PENENTUAN PELAN PENGURUSAN RISIKO KO-NELAYAN** |
| **KB/KU/PP/PW** | 1. | Lakukan penilaian dan tentukan risiko berasaskan impak dan kemungkinan berlaku ke atas penyampaian perkhidmatan. |
| | 2. | Senaraikan peristiwa risiko yang berpotensi berlaku dalam konteks organisasi/Bahagian/Unit/Projek seperti dalam borang **PK.KONEL.06-L1** dengan merujuk kepada Kriteria Risiko Kelemahan seperti di Lampiran 2 **[PK(P).KONEL.06-L2].** |
| | 3. | Sediakan Skor Matriks Risiko seperti dalam Lampiran 3 **[PK(P).KONEL.06-L3].** |
| | 4. | Laksanakan Mesyuarat Pasukan Pengurusan Risiko untuk membincangkan penyediaan Pelan Pengurusan Risiko. |
| | 5. | Sediakan Pelan Pengurusan Risiko seperti di Lampiran 4 **[PK(P).KONEL.06-L4]** dengan merujuk kepada Kriteria Risiko Kelemahan seperti di Lampiran 2 **[PK(P).KONEL.06-L2].** |

SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL

| TANGGUNGJAWAB | NO | TINDAKAN |
|---|---|---|
| | 6. | Laksanakan Pelan Pengurusan Risiko di setiap lokasi. |
| | **E** | **PEMANTAUAN DAN PENILAIAN KEBERKESANAN PENGURUSAN RISIKO** |
| **KB/KU/PW/PP** | 1. | Laksanakan pemantauan pengurusan risiko secara berterusan bagi menilai keberkesanannya. |
| | 2. | Kenalpasti ***emerging risk*** berdasarkan kepada *trend* dan persekitaran operasi semasa. |
| **KB/KU** | 3. | Bincang dan analisis laporan Pelan Pengurusan Risiko Bahagian/Unit/Projek/Pejabat Wilayah setiap tiga (3) bulan dalam Mesyuarat Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko Bahagian/Unit. Jemput PRIS jika perlu. |
| **KB/KU/PW/PP** | 4. | Kemukakan Laporan Penilaian Pelan Pengurusan Risiko kepada PRIS setiap 6 bulan. |
| **PRIS/JPPR** | 5. | Bincangkan analisa dan impak Pelan Pengurusan Risiko Ko-Nelayan secara keseluruhan setiap 6 bulan dan buat penilaian terhadap kaedah kawalan dan tindakan pembetulan serta pencegahan yang berkesan. |
| **KB/KU/PW/PP** | 6. | Ambil tindakan pembetulan dan pencegahan mengikut syor JPPR (jika ada) serta pantau keberkesanannya. |
| **PK/PRIS** | 7. | Sediakan Laporan Akhir Penilaian dan Keberkesanan Pelan Pengurusan Risiko Ko-Nelayan untuk dibincangkan dalam MKSP. |
| **PK/MKSP** | 8. | Bincangkan penilaian keseluruhan Pelan Pengurusan Risiko KO-NELAYAN serta penambahbaikan dalam MKSP. |
| **PR** | 9. | Kemaskini dan selenggarakan rekod aktiviti-aktiviti pengurusan risiko KO-NELAYAN. |

## 7.0 CARTA ALIRAN

**<u>PENGURUSAN RISIKO</u>**

| TANGGUNGJAWAB | |
|---|---|
| | MULA |
| PB/KB/KU/ PW/PP | Kenalpasti konteks risiko |
| PB/PK | Lantik Pengurus Risiko dan bentuk Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko Ko-Nelayan |
| KB/KU/PW/PP | Buat analisa risiko di Bahagian/Unit/Projek/ Pejabat Wilayah masing-masing. |
| KB/KU/PW/PP | Kenalpasti punca risiko, kaedah rawatan dan kawalan |
| KB/KU/PW/PP | Tentukan kaedah kawalan/rawatan yang sesuai berdasarkan analisa kesan dan akibat risiko |
| KB/KU/PW/PP | Lakukan penilaian dan tentukan risiko berdasarkan impak dan kemungkinan berlaku |
| | A |

SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL

**A**

**KB/KU/PW/PP** — Senaraikan peristiwa risiko dalam borang PK(P).KONEL.06-L1 merujuk kepada Kriteria Risiko Kelemahan PK(P).KONEL.06-L2

↓

**KB/KU/PW/PP** — Sediakan Skor Matriks Risiko seperti dalam PK(P).KONEL.06-L3

↓

**KB/KU** — Laksanakan Mesyuarat Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko Bahagian/Unit untuk penyediaan Pelan Pengurusan Risiko

↓

**KB/KU/PW/PP** — Sediakan Pelan Pengurusan Risiko seperti di PK(P).KONEL.06-L4 dan kemukakan kepada PRIS. Laksanakan Pelan Pengurusan Risiko

↓

**KB/KU/PW/PP** — Laksanakan pemantauan berterusan dan kenalpasti *emerging risk.* Bincang dan analisis Pelan Pengurusan Risiko setiap 3 bulan dalam Mesyuarat Pasukan Pelaksana Pengurusan Risiko Bahagian/Unit

↓

**KB/KU/PW/PP** — Kemukakan Laporan Penilaian Pelan Pengurusan Risiko kepada PRIS setiap 6 bulan.

↓

**B**

SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL





**SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL**

## 8.0 REKOD KUALITI

| BIL | JENIS REKOD | LOKASI | TEMPOH SIMPANAN |
|---|---|---|---|
| 1. | Fail Pengurusan Risiko KO-NELAYAN:<br>- Pelan Pengurusan Risiko KO-NELAYAN<br>- Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Risiko KO-NELAYAN<br>- Laporan Akhir Penilaian dan Keberkesanan Pelan Pengurusan Risiko KO-NELAYAN | Pengurus Risiko | 5 Tahun |
| 3. | Fail Jawatankuasa Pelaksana Pengurusan Risiko | Bahagian masing-masing | 5 tahun |
| 4. | Fail Pengurusan Risiko | Unit/Pejabat Wilayah/Projek | 5 tahun |

## 9.0 LAMPIRAN

| BIL | PERKARA | LAMPIRAN | RUJUKAN DOKUMEN |
|---|---|---|---|
| 1. | Senarai Peristiwa | Lampiran 1 | PK(P).KONEL.06-L1 |
| 2. | Kriteria Risiko Kelemahan | Lampiran 2 | PK(P).KONEL.06-L2 |
| 3. | Skor Matriks Risiko | Lampiran 3 | PK(P).KONEL.06-L3 |
| 4. | Pelan Pengurusan Risiko- | Lampiran 4 | PK(P).KONEL.06-L4 |

SALINAN DOKUMEN TIDAK TERKAWAL